

**TEKS UCAPAN
YB TUAN HAJI MOHD ANUAR MOHD TAHIR
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK NAIKTARAF
SEKOLAH DAIF MENGGUNAKAN KAEDAH IBS DI
SEMENANJUNG MALAYSIA – FASA 1 NEGERI
MELAKA**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH**

SELAWAT DAN SALAM;

TERIMA KASIH SAUDARI PENGACARA MAJLIS;

YANG DIHORMATI

**YB MOHD SOFI B. ABDUL WAHAB
EXCO KERJA RAYA
PENGANGKUTAN DAN KEMUDAHAN AWAM
NEGERI MELAKA**

**YB NOOR EFFENDI BIN AHMAD
EXCO PENDIDIKAN, SAINS DAN TEKNOLOGI, TEKNOLOGI HIJAU DAN
INOVASI NEGERI MELAKA**

**YB MOHD RAFIQ BIN NAIZAMOHIDEEN
ADUN PAYA RUMPUT
MERANGKAP EXCO PERINDUSTRIAN, PERDAGANGAN DAN PELABURAN
NEGERI MELAKA**

**YBHG DATO' SRI IR.DR. ROSLAN B. MD TAHA
KETUA PENGARAH KERJARAYA MALAYSIA**

**YBRS.AR ZAIRUL AZIDIN BIN BADRI
TIMBALAN KETUA PENGARAH KERJARAYA MALAYSIA
(SEKTOR BANGUNAN)**

**YBHG DATO' IR.AHMAD REDZA BIN GHULAM RASOOL
PENGARAH
CAWANGAN KERJA PENDIDIKAN JKR MALAYSIA**

**TUAN HAJI ABU BAKAR B. SAHARI
PENGARAH
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI MELAKA**

**TUAN MOHAMAD AZHAR BIN SALEH
PEGAWAI KEMAJUAN NEGERI MELAKA**

YANG BERUSAHA

**TUAN IR ZULKIFLY BIN A.GHANI
PENGARAH JABATAN KERJA RAYA MELAKA**

**TUAN IR HJ. ISMAIL BIN ABD. RAHMAN,
JURUTERA DAERAH JKR MELAKA TENGAH**

**KONTRAKTOR PEMBINAAN LETRIK MALS SDN BHD (KONTRAKTOR PAKEJ
1)**

**KONTRAKTOR CASTWELL INDUSTRIES (M) SDN BHG
(KONTRAKTOR PAKEJ 2)**

PENGETUA SMK PAYA RUMPUT

PENGETUA SMK PERNU

PENGETUA-PENGETUA , GURU BESAR DAN GURU-GURU

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN HADIRIN SEKALIAN

ALHAMDULILLAH, SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SWT, DENGAN LIMPAN IZIN SERTA KURNIA-NYA, DAPAT SAYA HADIR BERSAMA PADA PAGI INI, BAGI MAJLIS PENYERAHAN PROJEK NAIKTARAF SEKOLAH DAIF DI SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI FASA 1 NEGERI MELAKA

SUKA SAYA MEMAKLUMKAN BAHAWA PROJEK SEKOLAH DAIF INI DIREKABENTUK DAN DIBINA DENGAN MENGGUNAKAN SISTEM 'IBS' IAITU *INDUSTRIALISED BUILDING SYSTEM*, MELALUI KONTRAKTOR YANG DILANTIK SECARA TENDER DI JKR MALAYSIA. PEMILIHAN PROJEK SEKOLAH DAIF INI MELIPUTI KATEGORI SEKOLAH YANG BERKEPADATAN TINGGI DAN TIDAK DAPAT MENAMPUNG KAPASITI PELAJAR .

PERLAKSANAAN PROJEK MENAIKTARAF SEKOLAH DAIF INI ADALAH AMAT BERKESAN DENGAN PENCAPAIAN YANG CEMERLANG PADA TAHUN 2017, DI MANA JKR MELAKA TELAH MENYERAHKAN 4 BUAH SEKOLAH DENGAN BERKUALITI DAN TIDAK MEMPUNYAI SEBARANG MASALAH. SEKOLAH-SEKOLAH YANG TELAH DISERAHKAN DENGAN JAYANYA PADA TAHUN LEPAS ADALAH :

- A) SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA YU YING**
- B) SEKOLAH KEBANGSAAN KRUBONG**
- C) SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI TUANG**
- D) SEKOLAH KEBANGSAAN AYER MERBAU**

BAGI TAHUN 2018, SEKALI LAGI JABATAN KERJARAYA MALAYSIA TELAH DIBERI KEPERCAYAAN OLEH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK SEKOLAH DAIF DI SELURUH MALAYSIA. PROJEK-PROJEK INI MERUPAKAN PROJEK FASA 1 DALAM RANCANGAN MALAYSIA KE-SEBELAS (RMKe-11).

IANYA MELIPUTI PROJEK PEMBINAAN DI 3 DAERAH, IAITU MELAKA TENGAH, ALOR GAJAH DAN JASIN, YANG MENGANDUNGI SEBANYAK 109 KELAS YANG MELIBATKAN 10 BUAH SEKOLAH IAITU;;

PAKEJ 1:

- **SK KAMPUNG TUN RAZAK**
- **SK TUN SYED AHMAD SHAHABUDIN**
- **SK PAYA DALAM**
- **SMK PERNU**
- **SK MERLIMAU**

PAKEJ 2

- **SEKOLAH SMK PAYA RUMPUT**
- **SK PAYA RUMPUT**
- **SMK TUN HJ ABDUL MALEK**
- **SMK BUKIT RAMBAI**
- **SK DURIAN TUNGGAL**

PROJEK INI DIBAHAGIKAN KEPADA 2 PAKEJ, IAITU PAKEJ 1 YANG DILAKSANAKAN OLEH KONTRAKTOR PEMBINAAN & LETRIK MALS SDN BHD DENGAN KONTRAK BERNILAI RM12,826,675.97 BAGI PEMBINAAN 5 BUAH SEKOLAH, MANAKALA PAKEJ 2 DILAKSANAKAN OLEH KONTRAKTOR CASTWELL INDUSTRIEL (M) SDN BHD DENGAN KONTRAK BERNILAI RM11,772,815.06 BAGI PEMBINAAN 5 BUAH SEKOLAH JUGA. PEMBINAAN PROJEK SEKOLAH INI TELAH BERMULA MULAI 7 MAC 2018 LEPAS.

PIHAK KERAJAAN AMAT MENGAMBIL PERHATIAN BERAT DI DALAM MEMASTIKAN PROJEK-PROJEK INFRASTRUKTUR TERUTAMANYA YANG MELIBATKAN '*PEOPLE CENTRIC*' DILAKSANAKAN DENGAN JAYANYA. SAYA BERHARAP DAN BERDOA, AGAR PROJEK INI DAPAT MENINGKATKAN TARAF KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR PENDIDIKAN BAGI MELAHIRKAN GENERASI YANG BERILMU DAN BERAKHLAK.

SAYA JUGA BERHARAP DENGAN PENYERAHAN PROJEK INI AKAN MEMBERI KESELESAAN KEPADA GURU DAN PELAJAR DALAM MENJALANI SESI PERSEKOLAHAN DENGAN LEBIH KONDUSIF.

SEKALUNG SYABAS DAN TAHNIAH SAYA UCAPKAN KEPADA JKR MALAYSIA KHUSUSNYA KEPADA;

KETUA PENGARAH KERJARAYA, YBHG DATO' SRI IR.DR. ROSLAN B. MD TAHA

**TIMBALAN KETUA PENGARAH KERJARAYA
(SEKTOR BANGUNAN)**

PENGARAH CAWANGAN KERJA PENDIDIKAN JKR

PENGARAH JABATAN KERJA RAYA MELAKA; DAN JUGA

JURUTERA DAERAH JKR MELAKA TENGAH

SERTA KAKITANGAN JABATAN YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG,

KERANA TELAH MENYIAPKAN PROJEK PEMBINAAN NAIKTARAF SEKOLAH DAIF BAGI FASA 1 DI NEGERI MELAKA INI.

SAYA INGIN MERAKAMKAN RIBUAN TERIMA KASIH KERANA SOKONGAN DAN KERJASAMA YANG TELAH DIBERIKAN OLEH:

EXCO KERJA RAYA NEGERI MELAKA

EXCO PENDIDIKAN, SAINS DAN TEKNOLOGI HIJAU DAN INOVASI NEGERI MELAKA

SERTA ADUN PAYA RUMPUT MERANGKAP EXCO PERINDUSTRIAN, PERDAGANGAN DAN PELABURAN NEGERI MELAKA

PEGAWAI KEMAJUAN NEGERI MELAKA

**PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI MELAKA SERTA KAKITANGAN
JABATAN DAN JUGA SEKOLAH YANG TERLIBAT.**

**DAN, AKHIR SEKALI SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH DAN
PENGHARGAAN KEPADA PIHAK KONTRAKTOR YANG TELAH BERJAYA DI
ATAS PENYIAPAN PROJEK SEKOLAH DAIF PADA HARI INI.**

SEKIAN,

**WABILAHITAUFIK WALHIDAYAH WASALAIMULAIKUM WARAHMATULLAHI
WABARAKATUH**